

Kesan Pembacaan *NovelPlus* terhadap Masyarakat di Malaysia semasa Pandemik COVID-19

Nurbalqis Aimi Anisa binti Mohd Jaafar

Mohd Syuhaidi bin Abu Bakar*

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia

Emel perhubungan: syuhaidi@uitm.edu.my*

Abstrak

Ketika pandemik COVID-19 melanda negara Malaysia, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyarankan rakyat Malaysia untuk duduk di rumah bagi mengurangkan penularan COVID-19 dan hal ini telah menyebabkan pembacaan novel dalam talian semakin mendapat perhatian dalam kalangan rakyat Malaysia. NovelPlus adalah salah satu aplikasi yang menawarkan perkhidmatan pembacaan novel dalam talian. Dapatkan kajian daripada temu bual 10 orang informan yang juga pembaca NovelPlus menunjukkan adanya beberapa kesan aplikasi ini dari segi bahasa, iaitu membuka peluang untuk mempelajari bahasa luar, memantapkan kosa kata dan menarik perhatian kerana penggunaan bahasa yang santai. Walau bagaimanapun, ada informan berpendangan bahawa terdapat penggunaan kata-kata kesat dalam aplikasi berkenaan. Dari segi pemikiran pula didapati bahawa aplikasi NovelPlus memberi pengaruh negatif terhadap pemikiran kerana terdapat adegan tidak senonoh yang mampu mempengaruhi komunikasi harian dan juga mempengaruhi para penulis baharu. Walau bagaimanapun aplikasi NovelPlus juga mampu memberi pendedahan terhadap dunia penulisan seperti menambah ilmu pengetahuan tentang ilmu jenayah, ilmu tentang negara luar dan ilmu tentang sesuatu penyakit. Hasil temu bual bersama informan juga mendapat beberapa kesan lain yang wujud selepas pembacaan menerusi aplikasi NovelPlus ini seperti masalah kesihatan dan mewujudkan jurang komunikasi. Walau bagaimanapun, penggunaan aplikasi berkenaan boleh menjimatkan wang. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat menjadi rujukan terhadap kajian-kajian akan datang berkaitan dengan pembacaan novel secara dalam talian.

Kata Kunci: *NovelPlus, Kesan, Bahasa, Pemikiran, Ilmu Pengetahuan*